

03/01/2003

MCA sedia terima nasihat, pandangan komponen BN

KAMPAR, Khamis - MCA sedia mendengar dan menerima nasihat parti komponen Barisan Nasional (BN) berhubung isu penggantungan keahlian tanpa had masa dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang dari parti itu.

Nasib dua Adun itu, Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi) dijangka ditentukan mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Selasa ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata parti itu sudah bertindak berdasarkan perlembagaan parti dalam menentukan hukuman ke atas Lim dan Tan.

Bagaimanapun, beliau berkata, parti itu sedia menerima dan mendengar nasihat parti komponen lain jika mereka ingin berbuat demikian.

"Dari segi perlembagaan kita, (tindakan) sudah selesai tetapi jika rakan dari BN ada apa-apa nasihat, kita terima, kita dengar," katanya kepada pemberita selepas membuat tinjauan dan mesyuarat persiapan majlis pecah tanah dan peletakan batu asas kampus induk Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) di sini, hari ini.

Kedua-dua Adun itu dikenakan hukuman berkenaannya kerana mengambil sikap berkecuali daripada mengundi usul DAP di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 November lalu bagi menangguhkan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 bilion sehingga siapnya projek Expressway Jelutong berharga RM400 juta.

Dr Ling bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dilaporkan berkata isu dua Adun itu akan turut dibincangkan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN berkenaannya.

"Saya akan membangkitkan isu berhubung dua Adun itu pada mesyuarat BN minggu depan supaya satu keputusan mengenai masa depan kedua-dua mereka dapat ditentukan," katanya.

Hukuman ke atas Tan dan Lim dicadangkan Lembaga Disiplin MCA dipengerusikan Datuk Kam Woon Wah pada 17 Disember lalu, yang kemudiannya diterima sebulat suara Majlis Presiden MCA.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat pula dilaporkan berkata mesyuarat BN berkenaannya akan membincangkan sama ada hukuman dikenakan MCA memadai atau tidak.

Dalam perkembangan lain, Dr Ling berkata, MCA berharap kerajaan akan menyediakan biasiswa bagi pelajar Bumiputera supaya lebih ramai golongan itu dapat menuntut di Utar.

Beliau berkata, pihaknya akan menghantar cadangan kepada kerajaan berhubung perkara itu kerana ia sesuai dengan konsep universiti berkenaannya yang tidak menetapkan kuota berdasarkan kaum.

"Itu satu cara (meningkatkan bilangan Bumiputera), jangan hanya menumpukan semua biasiswa di Universiti Malaya (UM) atau Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) saja," katanya.

Dr Ling berkata, MCA juga berhasrat mencadangkan Utar sebagai alternatif bagi pelajar yang dihantar ke luar negara.

"Kita akan mencadangkan dan membiarkan kerajaan membuat keputusan mana terbaik.

"Bagaimanapun, apa yang penting saya bersetuju dengan Perdana Menteri supaya kita cuba mencampurkan penuntut. Jadi mereka dapat belajar bagaimana belajar, bermain dan membesar bersama," katanya.

Dr Ling berkata, Dr Mahathir dijangka merasmikan pecah tanah dan meletakkan batu asas Utar pada 12 Januari ini.

Beliau berkata, lebih 20,000 masyarakat pelbagai kaum khususnya dari MCA dijangka hadir pada majlis berkenaan.